

Pendekatan kuantitatif adalah yang merujuk kepada gambaran fenomena yang berlaku dalam program KKDP kemudian dinilai dengan menggunakan bentuk angka. Antara fungsinya ialah untuk mengumpul data dan seterusnya membuat penilaian, carta, graf dan juga generaliasi kepada fenomena yang dikaji. Pencerapan ini menggunakan skala-skala tertentu yang telah ditetapkan terlebih dahulu, contohnya pencerapan melalui soal selidik.

Pendekatan kualitatif pula adalah yang merujuk kepada gambaran fenomena yang diterangkan secara holistik dan dalam keadaan sebenar tanpa sebarang unsur manipulasi. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat atau data dengan lebih lanjut daripada pengalaman, pandangan, tanggapan dan pendapat sampel yang terlibat dalam penyelidikan ini, contohnya pencerapan melalui pendekatan temubual dan juga observasi.

Kampus UiTM Cawangan Perak terletak di lokasi penempatan baru di Seri Iskandar setelah berpindah daripada penempatan lama di Seri Manjung. Kluasan keseluruhan kampus dianggarkan lebih daripada 300 ekar. Nadi operasinya bermula daripada 8 bangunan utama, beberapa bangunan sokongan, Pusat Islam untuk didirikan solat Jumaat dan lain-lain aktiviti di samping kolej-kolej penempatan para pelajar siswa dan siswi. Landskap kampus pula diwarnai oleh kedamaian dan kehijauan hutan di persekitarannya. Anggaran bilangan pelajar bagi sepenuh masa sekitar 4,800 orang dan pelajar luar kampus ( termasuk Pusat Perkembangan Pendidikan, TESL, Kursus Kemahiran Bahasa dan Program Ijazah EMBA ) pula seramai 700 orang. Bilangan unjuran pelajar sepenuh masa yang mampu ditampung oleh kampus ini bagi satu-satu masa ialah sehingga 8,000 orang pelajar.<sup>3</sup>

**Pengurusan dan pentadbiran kampus diketuai oleh seorang Pengarah serta Timbalan-Timbalan Pengarah HEA dan HEP di samping Ketua-Ketua Program daripada 5 fakulti iaitu :**

- i. Fakulti Senibina Perancangan & Ukur ( FSPU ).
- ii. Fakulti Perakaunan ( AC ).
- iii. Fakulti Senilukis & Senireka ( FSSR ).
- iv. Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat ( CS ).
- v. Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat ( OM ).

Seterusnya diikuti oleh Koordinator-Koordinator dari pelbagai bidang dan jurusan, para kakitangan sokongan dan lain-lain staf.<sup>4</sup>

Merujuk kepada tempoh kajian, penyelidik telah menghabiskan masa selama 9 bulan dan beberapa masa tambahan diperlukan untuk menganalisa data dan kesimpulan. Dalam tempoh tersebut, kajian lebih banyak ditumpukan kepada menyiapkan dokumentasi terhadap perkara asas kajian iaitu mengenal pasti kebarangkalian konsep “Motivasi Dakwah” digunakan dalam pengistilahan ini kerana pada peringkat awal penyelidikan kajian ini terpaksa berdepan dengan pelbagai kesukaran untuk mendapatkan landasan teori mengenainya.

<sup>3</sup> Maklumat daripada pejabat Pentadbiran UiTM Cawangan Perak bertarikh 23 Mei 2003

<sup>4</sup> Maklumat daripada pejabat HEA UiTM Perak bertarikh 24 Mei 2003

### **3.3 PERSAMPELAN :**

Sampel bagi kajian ini ialah para pelajar yang telah mengikuti program KKDP yang dikendalikan oleh fakulti masing-masing dengan kerjasama HEA dan HEP. Tumpuan KKDP sebenarnya lebih kepada hasrat untuk membina motivasi dan pembinaan diri pelajar dari pelbagai segi. Namun tumpuan utama penyelidikan ini adalah untuk mencungkil elemen-elemen motivasi dakwah yang wujud dalam program tersebut.

Fokus kepada pembinaan motivasi adalah untuk menangani para pelajar yang dibelenggu pelbagai masalah. Kategori masalah pula telah diklasifikasikan mengikut “Senarai Semak Masalah Mooney” (*Mooney check list*) dengan kod masalah seperti berikut :

- 01 Masalah kesihatan dan perkembangan fizikal
- 02 Masalah kewangan, kehidupan dan pekerjaan
- 03 Masalah aktiviti hiburan dan sosial
- 04 Masalah pergaulan muda mudi, jantina dan perkahwinan
- 05 Masalah hubungan sosial psikologikal
- 06 Masalah hubungan personal psikologikal
- 07 Masalah akhlak dan agama
- 08 Masalah rumah tangga dan keluarga
- 09 Masalah kerjaya dan pendidikan
- 10 Masalah penyesuaian akademik
- 11 Masalah kurikulum dan kaedah pengajaran.

Daripada data yang diperolehi, masalah utama pelajar dikenal pasti sebagai yang berkaitan dengan isu pembelajaran<sup>5</sup>. Oleh itu, tumpuan KKDP adalah untuk pembinaan motivasi dan syahsiah diri para pelajar, khususnya yang berkaitan dengan masalah pembelajarannya.

Penyertaan ke dalam program KKDP ini adalah terhad kepada pelajar-pelajar semester 03 dan ke bawah, manakala pelajar-pelajar semester 04 dan ke

<sup>5</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecemerlangan Diri Ke 10, Bil. 5/2001, bertarikh 12 Disember 2001, h. 4

atas dibuka secara sukarela.<sup>6</sup> Pemilihan pelajar ditentukan oleh Ketua Program dan fakulti masing-masing atas pelbagai sebab seperti yang terkandung dalam senarai masalah di atas, oleh itu bilangan peserta bagi setiap fakulti dan bagi setiap semester tidak sekata jumlahnya. Umumnya, kedudukan peserta bagi kajian ini sebahagian besarnya masih belajar di UiTM ini iaitu para pelajar yang berada pada semester 06 dan 07 pada sesi Mei – Oktober 2003 dengan jumlah sekitar 205 orang.

Dalam proses menentukan jumlah persampelan, persampelan rawak kelompok digunakan bagi mewakili populasi sasaran. Kajian ini telah mengambil sampel secara minima iaitu seramai 123 orang atau 60 % daripada jumlah keseluruhan populasi yang terlibat dengan program tersebut yang berjumlah sekitar 205 orang.

Gambaran bagi jumlah populasi adalah seperti berikut :

- i. Fakulti Senibina Perancangan & Ukur ( FSPU ) dengan jumlah peserta seramai 65 orang.  
( Jumlah ini diambil daripada senarai peserta bagi semester 06 dan 07, jumlah ini tidak termasuk peserta daripada peringkat sijil kerana mereka telah menamatkan pengajian lebih awal ).
- ii. Fakulti Perakaunan ( AC ) seramai 55 peserta.  
( Jumlah ini diambil daripada senarai peserta bagi semester 06, jumlah keseluruhan peserta seramai 68 orang dan sebahagian daripada mereka telah menamatkan pengajian lebih awal ).
- iii. Fakulti Senilukis & Senireka ( FSSR ) seramai 30 peserta.  
( Jumlah ini diambil daripada senarai peserta bagi semester 06 dan 07. Jumlah keseluruhan peserta masih kekal ).
- iv. Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat ( CS ) seramai 25 peserta.

---

<sup>6</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecemerlangan Diri Ke 8, Bil. 3/2001, bertarikh 14 Mac 2001, h. 3

( Jumlah ini diambil daripada senarai peserta bagi semester 06 dan jumlah keseluruhan peserta sekitar 40 orang dan sebahagian daripada mereka telah menamatkan pengajian lebih awal ).

- v. Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat ( OM ) sekitar 30 peserta.

( Jumlah ini diambil daripada senarai peserta bagi semester 06, jumlah ini tidak termasuk peserta daripada Program Diploma Sains Kesetiausahaan kerana Program Diploma tersebut ketika ini telah pun dimansuhkan keseluruhannya ).

Oh itu, jumlah persampelan yang diambil boleh dilihat seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 3.1 Jumlah Persampelan Mengikut Fakulti.

Nama Fakulti	Jumlah populasi	60 %
1. FSPU	65	39
2. AC	55	33
3. FSSR	30	18
4. CS	25	15
5. OM	30	18
<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>205</b>	<b>123</b>

Jadual 3.1 di atas memaparkan jumlah persampelan minima yang diambil untuk kajian ini iaitu sebanyak 123 sampel atau 60 % daripada jumlah populasi yang mengikuti program motivasi KKDP setelah mengambil kira semua faktor sampingan yang ada.

### **3.4 ALAT KAJIAN :**

Alat kajian merupakan alat ukur yang menentukan sama ada data dan maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi atau tidak. Alat ukur penyelidikan ini terdiri daripada dua cara iaitu dengan menggunakan metode soal selidik dan metode triangualasi.

#### **3.4.1 METODE SOAL SELIDIK :**

Metode ini digunakan untuk mendapatkan maklumat contohnya yang berkaitan dengan fakta, kepercayaan, keyakinan, perasaan dan kehendak daripada sampel. Ia juga digunakan untuk mengukur gagasan atau konsep tertentu sama ada mengenai sikap, persepsi dan pandangan sampel terhadap motivasi dakwah dalam program KKDP tersebut.

Metode ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi satu set soalan yang perlu dijawab oleh sampel. Sampel yang ingin dicerap terlebih dahulu telah dipastikan bahawa mereka adalah mewakili populasi yang dikaji. Borang soal selidik ini dimulakan dengan arahan jelas supaya menuliskan nama fakulti dan kemudian menanda jawapan yang menjadi pilihan sampel. Borang ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut<sup>7</sup>:

##### **Bahagian 1 : Elemen Motivasi Dakwah.**

Bahagian ini meminta sampel menentukan dengan pasti sama ada contoh-contoh elemen motivasi dakwah yang dinyatakan dalam soal selidik itu terbukti wujud dalam program KKDP atau sebaliknya. Skala pilihan jawapan adalah dengan menggunakan Skala Binari yang mempunyai dua pilihan jawapan sahaja iaitu “Ya” atau “Tidak”.

Terdapat 18 soalan yang dirangka khusus mengenai elemen-elemen motivasi dakwah yang telah dibahagikan kepada enam item utama seperti :

---

<sup>7</sup> Sila lihat Lampiran C

- i. Isi kandungan ceramah ( bagi soalan 1 hingga 3 )
- ii. Komponen penceramah atau fasilitator ( bagi soalan 4 hingga 6 ).
- iii. Pengajur program ( bagi soalan 7 hingga 9 ).
- iv. Urusetia program ( bagi soalan 10 hingga 12 ).
- v. Peserta program ( bagi soalan 13 hingga 15 ).
- vi. Agenda program ( bagi soalan 16 hingga 18 )

#### **Bahagian 2 : Relevansi Motivasi Dakwah.**

Bahagian ini mengandungi 3 soalan ( soalan 19 hingga 21 ) yang meminta sampel menentukan sama ada motivasi dakwah, kesedaran terhadap hakikat diri dan yang berkaitan dengan perkara-perkara kerohanian ini masih dianggap relevan untuk dijadikan asas atau dasar motivasi buat masa sekarang dan akan datang. Skala pilihan jawapan masih menggunakan Skala Binari yang mempunyai dua pilihan jawapan iaitu “Ya” atau “Tidak”.

#### **Bahagian 3 : Peranan Motivasi Dakwah Dalam Meningkatkan Kecemerlangan Pelajar.**

Bahagian ini pula mengandungi 3 soalan ( soalan 22 hingga 24 ) yang meminta sampel menentukan dengan pasti sama ada motivasi dakwah yang memfokuskan kepada elemen dalaman ( intrinsik ) mampu membina dorongan dalaman, membentuk identiti serta membina imej bersih lagi suci. Soalan dalam bahagian ini dibina mengikut Skala Likert dengan darjah persetujuan seperti berikut ; sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

#### **Bahagian 4 : Motivasi Dakwah Dalam Bentuk Praktikal.**

Bahagian akhir ini mengandungi 3 soalan juga ( daripada soalan 25 hingga 27 ) yang meminta sampel menentukan dengan pasti sama ada tahap penghayatan elemen motivasi dakwah atau yang berkaitan dengan adab dan pelbagai amalan sosial Islam telah berjaya ditampilkan oleh tindak tanduk peserta dalam program KKDP tersebut. Soalan pada bahagian ini dibina mengikut Skala Likert seperti berikut ; sangat baik, baik, kurang baik, tidak baik dan sangat tidak baik.

Sebagai rumusan, semua item utama dalam soal selidik tersebut telah dimuatkan dalam dua halaman kertas bersaiz A4 ( secara depan belakang ) untuk meringkaskan masa dan memudahkan sampel ketika menjawab.

### **3.4.2 METODE TRIANGUALASI :**

Pendekatan triangualasi ( berasal daripada bahasa Inggeris *triangle* ) bermaksud operasi tiga serangkai secara sepadu atau serentak. Metode ini melibatkan 3 dimensi seperti berikut :

#### **3.4.2.(a) Metode Temubual :**

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data dengan berhubung terus dengan responden secara bersemuka. Kajian ini dilakukan dengan menemubual beberapa orang pegawai UiTM Perak yang terlibat secara langsung sama ada selaku pengajur, penceramah atau urusetia dalam program motivasi yang telah dijalankan.

Antara mereka yang terlibat dalam penerapan ini ialah :

- i. Tuan Pengarah UiTM Perak.
- ii. Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar.
- iii. Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik.
- iv. Penceramah.
- v. Pegawai Kaunselor.
- vi. Beberapa Ketua Program yang mengendalikan program motivasi.
- vii. Beberapa orang pensyarah yang terlibat dengan aktiviti tersebut.

Proses pendekatannya dilakukan secara bertema dan yang telah distruktur terlebih dahulu kerana ia lebih ringkas dan mudah dikendalikan di samping untuk mengelakkan daripada perbualan yang lari daripada tujuan kajian.

Soalan temubual ini dibentuk menggunakan teknik skala jenis mudah “Ya” atau “Tidak” yang difokuskan kepada maklum balas yang terhad dan seterusnya

pula dengan menggunakan skala persetujuan yang dikhkususkan kepada maklum balas yang memerlukan pililian dari sudut yang lain.

Dari sudut etika pengendaliannya, kajian ini telah menggunakan pendekatan secara formal dengan menghubungi responden terlebih dahulu untuk memohon persetujuan, keizinan masa atau kelapangan subjek sebelum diadakan sesi temubual.

Segala kenyataan, pendapat dan pandangan daripada responden terbabit akan dijadikan sokongan dalam hasil kajian kelak.

Pembahagian soalan dalam metode temubual ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut :

#### **Bahagian 1 : Konsep / Falsafah Motivasi Dakwah**

Bahagian ini menilai dari sudut pengetahuan responden terhadap konsep asas atau pun falsafah tentang motivasi dakwah seperti dapatan berikut :

1. Pegawai A daripada pihak pengajur program :

*Sejauh yang saya ketahui, motivasi dakwah masih belum diketengahkan dalam masyarakat, saya sendiri yang pernah terlibat dengan program-program motivasi ( pelajar ) masih belum memahami konsepnya. Oleh itu, saya berpandangan banyak perkara yang perlu dilihat termasuk justifikasi, "willingness" dan juga pengorbanan jika kita ingin memasyarakatkan idea ini.*

2. Pegawai B dari Bahagian HEA :

*Tidak ramai yang memahami topik motivasi dakwah ini, jika ada pun mereka hanya menerima dari sudut semangat dan rohnya sahaja dan kemudian menaruh harapan tinggi berdasarkan semangat yang ada. Oleh itu jika ada kajian mengenainya, yang pertama kali diperhati ialah apakah ia daripada sumber yang dijamin kesahihannya atau pun tidak.*

*lagi bersih ini saya rasa kesemuanya boleh menjadi alternatif bagi para pelajar untuk "maintain" motivasi dirinya.*

2. Komen daripada wakil pensyarah :

*Seringkali terdengar natijah daripada sesuatu program motivasi tidak dapat bertahan lama. Saya tidak benar-benar pasti mengenainya. Oleh itu jika motivasi dakwah boleh memberikan jawapan kepada masalah ini, saya fikir ia sesuatu yang amat menarik. Saya rasa ia perlu dibuktikan terlebih dahulu melalui teori dan juga praktik.*

**Rumusan Bagi Metode Temubual :**

Sekitar 85% responden yang ditemubual mengakui masih belum mengetahui atau belum pernah mendengar konsep motivasi dakwah ini. Melalui pelbagai reaksi yang dipamerkan menggambarkan responden memerlukan masa untuk usaha penjelasan. Oleh yang demikian proses kelancaran temubual ini terpaksa mengambil masa yang agak panjang khususnya yang melibatkan perkara konsep dan metodologi. Namun, setelah gagasan awal dapat difahami barulah responden memberikan respon yang bermakna.

Kajian ini beranggapan responden yang ditemui kebanyakannya bersikap lebih berhati-hati dalam membuat sebarang ulasan kerana diyakini mereka ingin mengambil "jalan selamat" disebabkan gagasan tersebut merupakan suatu yang baru yang belum pasti natijah dan risikonya jika diletakkan sesuatu nilai terhadapnya.

Kajian ini juga melihat responden sebenarnya boleh menaruh harapannya kepada semua pendekatan jika penafsiran yang di bawa tidak mencetuskan suatu kejutan serta dapat dimengerti dengan jelas dan betul. Responden juga mengalau-alukan semua pandangan yang baik dengan hati terbuka. Oleh itu dengan merujuk kepada topik kepentingan kajian dalam bab satu, penyelidik merasakan gagasan ini boleh membantu UiTM dalam membina kecemerlangan pelajar dalam pembelajarannya.

### **3.4.2.(b) Metode Observasi :**

Kajian bagi metode ini dilakukan di Kolej Siswa Block C, UiTM Cawangan Perak. Lokasi tempat dilakukan pencerapan ialah di bangunan setinggi 4 tingkat yang berbentuk flat (*Central Court Yard Flat*). Tempat ini menjadi pilihan kerana penyelidik telah diberi kebenaran untuk menumpang di sini, di samping populasi pelajar ketika observasi ini dilakukan lebih banyak tertumpu di kolej ini berbanding kolej-kolej lain yang sebahagiannya masih belum lagi berpenghuni.

Perlaksanaan kaedah ini dilakukan melalui dua situasi : pertama catatan secara "Rekod Anekdot" iaitu bagi kriteria yang belum lagi ditetapkan dengan mencatat apa sahaja yang dapat diperhati daripada pola dan tingkah laku subjek, kedua melalui kaedah "Senarai Semak" iaitu bagi kriteria yang telah ditetapkan dengan hanya membuat catatan pada senarai semak tersebut. Penggunaan metode ini dilakukan melalui pemerhatian tidak turut serta. Antara contoh catatan :

#### **i. Kaedah Rekod Anekdot :**

##### **Catatan Pertama :**

Subjek : Pelajar A dan B dari fakulti FSPU.

Tarikh : 18 April 2003, hari Jumaat.

Masa : Jam 11.00 malam hingga 1.00 pagi.

Tempat : Gelanggang badminton di tengah-tengah Kolej Block C.

Peristiwa : Dari sudut pengamatan seimbas lalu, setelah kedua-dua pelajar ini menghabiskan tugas projeknya mereka kelihatan seperti ingin melepaskan perasaan (*release tension*) dengan aksinya berebut-rebut mengelecek sebiji bola di gelanggang sempit itu, gelagat mereka sesekali riuh rendah. Setelah beberapa lama masa berlalu, tiba-tiba terdengar bunyi dentuman yang sederhana kuat di bawah tangga bangunan. Setelah diselidiki terdapat kesan vandalisma pada cermin plastik *vending machine* yang telah sedia pecah itu, lubang kerosakannya tambah membesar dan dianggarkan beberapa tin minuman telah berjaya dilarikan. Ketika usaha pengesanan dilakukan tiada individu lain yang berada di sekitar *vending machine* tersebut.

### **Catatan Kedua :**

Subjek : Pelajar C dari fakulti Sains Komputer semester 05.

Tarikh : 19 April 2003.

Hari : Sabtu.

Masa : Jam 12.00 malam hingga 7.30 pagi.

Tempat : Bilik penginapan pelajar Kolej Siswa Block C.

Peristiwa : Pelajar ini begitu sibuk menyiapkan *assignment* menggunakan komputer peribadinya. Tinjauan di sekitar jam 12.00 malam, 1.00 pagi dan kemudian sekali lagi jam 2.30 pagi memperlihatkan beliau masih lagi bertungkus lumus menyiapkan tugasannya. Jam 6.00 pagi ketika azan Subuh di surau berdekatan berkumandang pelajar ini masih belum bangun dari tidurnya. Selepas jam 7.30 pagi barulah pelajar ini kelihatan keluar dari bilik tidurnya membawa bersama peralatan mandi menuju ke tandas awam di bahagian tengah bangunan.

### **Catatan Ketiga :**

Subjek : Pelajar D dan E dari fakulti FSSR.

Tarikh : 18 April 2003.

Hari : Jumaat.

Masa : Jam 7.00 hingga 9.00 malam.

Tempat : Gelanggang badminton di tengah-tengah Kolej Block C.

Peristiwa : Selepas pulang dari dewan makan, mereka berdua terus menyiapkan tugas projek akhir semester 06 di atas gelanggang tersebut. Azan Maghrib berkumandang di surau berdekatan, namun kedua-dua mereka masih terus menyiapkan projeknya. Keasyikan menguruskan projek sehingga azan Isyak di surau yang sama jelas kedengaran. Sekitar jam 9.00 malam barulah mereka pulang ke bilik penginapan masing-masing.

### **Rumusan Bagi Catatan Anekdot :**

Melalui catatan kes-kes di atas, kajian ini tetap menyatakan bahawa program motivasi masih sentiasa diperlukan oleh semua pelajar demi untuk mengekalkan (*maintain*) kesediaan, kecemerlangan dan jati diri pelajar dalam

pembelajarannya. Namun, bagi kajian ini motivasi yang dimaksudkan itu seharusnya yang berorientasikan untuk kecemerlangan diri di samping tidak melupakan Tuhan dan tidak seperti paparan kes-kes di atas. Oleh yang demikian, motivasi dakwah adalah amat relevan untuk menangani kes-kes tersebut.

## ii. Kaedah Senarai Semak :

Melalui paparan rekod anekdot di atas, catatan tersebut lebih bentuk semula jadi ( holistik ), secara terus terang, tanpa sebarang fokus dan andaian. Namun untuk melihat dapatan seterusnya kajian ini akan bergantung kepada kaedah senarai semak melalui beberapa kriteria yang dianggap signifikan dengan tajuk perbincangan.<sup>8</sup>

Fokus kepada senarai semak ini ialah kepada elemen tingkah laku subjek atau peristiwa melalui beberapa kriteria yang dapat mengambarkan “relevansinya motivasi dakwah dalam kehidupan pelajar di kampus”.

Kaedah penilaian dan penafsiran data akan berdasarkan kepada rujukan kriteria dengan skala pemeringkatan daripada nombor 1 hingga 5 ( daripada rendah kepada tinggi ). Antara kriteria tersebut termasuk ;

1. Pengurusan masa.  
( Meliputi semua perkara yang berkaitan dengan sikap perihatinnya terhadap penjadualan aktiviti harian )
2. Reaksi dengan peraturan dan disiplin.  
( Meliputi semua perkara yang berkaitan dengan watak dirinya terhadap peraturan, undang-undang, disiplin atau “Akta 174” iaitu Akta Kolej dan Universiti )
3. Elemen kerohanian.

---

<sup>8</sup> Sila rujuk Lampiran D

- ( Meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan pengabdianya kepada Tuhan terutamanya amalan solat )
4. Interaksi dan ikram.  
( Meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan sesama pelajar, bertegur sapa dan saling hormat menghormati ).
  5. Tumpuan kepada pelajaran.  
( Meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan elemen belajar dan pembelajaran ).
  6. Penampilan syahsiah diri.  
( Meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan watak diri terhadap semua ketetapan nilai-nilai dan norma-norma akhlak dan agama )
  7. Elemen kendiri.  
( Meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan keperluan dan kesempurnaan untuk dirinya sendiri )
  8. Elemen meraikan hak.  
( Meliputi perkara-perkara yang ada kaitannya dengan orang lain di sekitarnya seperti jiran, kenalan, teman sebilik dan sebagainya ).

Pendekatan dalam mengendalikan catatan ini difokuskan kepada dua masa ; pertamanya pada jam 7.00 hingga 9.00 malam iaitu waktu untuk solat dan yang tidak melibatkan sebarang kelas, keduanya jam 11.00 hingga 01.00 pagi iaitu waktu yang sepatutnya pelajar berada di kolej masing-masing ( menurut peraturan kolej ).

Dari sudut kekerapan, kajian ini telah menetapkan untuk melakukan 4 kali cerapan sahaja. Beberapa tarikh telah dipilih untuk proses cerapan tersebut. Namun, jika ketiadaan subjek ketika waktu cerapan maka masa dan tarikh lain terpaksa dicari ganti.

### Dapatkan Senarai Semak :

Setelah mengambil kira beberapa permasalahan, kajian ini hanya menganalisa untuk 6 subjek sahaja. Pemilihan mereka berasaskan kepada item pernah mengikuti program KKDP dan ketika sesi observasi ini dilakukan mereka memiliki reaksi yang menonjol di Kolej dari pelbagai segi berbanding populasi yang lain. Laporan data pencerapan adalah seperti di bawah :

Jadual 3.2 Elemen Motivasi Melalui Metode Observasi Dengan Menggunakan Senarai Semak.

ELEMEN MOTIVASI	Pelajar A	Pelajar B	Pelajar C	Pelajar D	Pelajar E	Pelajar F
Kriteria	20	20	20	20	20	20
1. Pengurusan masa	12	11	13	14	12	13
2. Reaksi terhadap peraturan/disiplin	11	12	13	16	14	13
3. Elemen kerohanian	7	7	14	16	8	8
4. Interaksi dan ikram	10	12	13	15	11	12
5. Tumpuan kepada pelajaran	12	13	16	12	14	12
6. Penampilan syahsiah diri	7	10	13	16	11	9
7. Elemen kendiri	12	12	15	14	15	14
8. Elemen meraikan hak	12	12	15	15	12	12
<b>JUMLAH</b>	<b>83</b>	<b>89</b>	<b>112</b>	<b>118</b>	<b>97</b>	<b>93</b>
<b>Peratus</b>	51.88	55.63	70	73.75	60.63	58.13

Jadual 3.2 di atas menunjukkan hanya 2 subjek sahaja yang mendapat peratusan markah yang memuaskan kerana memiliki markah 112 ( 70% ) dan 118 ( 73.75% ) daripada jumlah keseluruhan markah penuh 160 ( 20 markah )

penuh X 8 item ) berbanding 4 subjek lain yang berada di bawah paras memuaskan kerana mendapat markah di bawah 70 peratus.

Melalui jadual di atas juga jelas kelihatan kriteria yang berkaitan dengan elemen kerohanian ( fokus kepada solat ) mendapat skor 60 markah ( 50% ) daripada keseluruhan **markah penuh 120** ( 20 markah penuh x 6 orang pelajar ). Demikian juga yang berkaitan dengan elemen penampilan syahsiah diri telah mendapat skor 66 markah ( 55% ) iaitu pada tahap nilai yang hampir serupa.

#### **Rumusan Bagi Metode Observasi :**

Melalui metode ini menjelaskan bahawa sifat bagi sesuatu usaha motivasi amat memerlukan kepada elemen berterusan ( rujuk Prinsip-Prinsip Dalam Motivasi dalam bab dua, h. 18 ) kerana nilai rangsangan yang ada pada diri seseorang itu akan menurun dan menaik berdasarkan kepada pengaruh semasa, kekuatan serta kelemahan diri dan sebagainya.

Melalui metode ini juga menggambarkan suatu **jawapan** kepada persoalan sejauhmana relevannya motivasi dakwah, kerana pendekatan motivasi dakwah lebih difokuskan kepada membina rangsangan dalaman. Sesuatu rangsangan yang lahir daripada dalaman sering kali lebih kukuh dan tahan lama berbanding luaran, justeru kerana pembinaan dalaman diikat dengan kekuatan niat, doa, kesedaran, keyakinan dan iman seseorang.

Dapat difahami di sini bahawa yang menjadi cita-cita motivasi dakwah ialah ingin mengharapkan pelajar tersebut memiliki kecemerlangan dari sudut akademik dan juga kecemerlangan dari sudut akhiratnya.

#### **3.4.2.(c) Metode Dokumentasi :**

Maksud dokumen di sini ialah apa sahaja bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang hendak dikaji. Ia merupakan satu teknik mengumpul data melalui kaedah pembacaan.

Melalui metode dokumentasi ini, kajian ini telah membuat rujukan kepada bahan-bahan bertulis daripada data primer ( بِدَائِيْ ) yang merujuk kepada sumber utama atau sumber wahyu iaitu al-Quran dan hadis Nabi s.a.w.. Tumpuan kajian ialah yang berkaitan dengan pembentukan motivasi yang dilihat dari sudut perspektif Islam. Harapan kajian ini ialah untuk membolehkan penyelidik meminjam dan menggunakan istilah “Motivasi Dakwah” atau “Motivasi Islam” yang di dalamnya mengandungi metode, prinsip, elemen, falsafah serta paradigmanya yang tersendiri yang telah dipastikan tidak bercanggah daripada *view Islam*.

Melalui data sekunder ( ثانويَّ ) pula, kajian ini telah membuat rujukan kepada data yang diperolehi daripada pelbagai kitab, buku, encyclopedia, jurnal, majalah, kertas kerja, akhbar, latihan ilmiah, tesis, internet dan lain-lain lagi. Tumpuan kajian ialah yang berkaitan dengan fenomena motivasi konvensional yang sedia ada termasuk dari sudut definisi, asas, prinsip, metode, elemen-elemennya dan sebagainya.

Data-data dokumentasi sebahagian besarnya diambil daripada pelbagai perpustakaan di beberapa buah universiti tempatan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya ( UM ), Perpustakaan Peringatan Za’ba UM, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa ( UIAM ), Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia ( UKM ), Perpustakaan Institut Alam & Tamadun Melayu ( ATMA ), UKM, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam UKM dan Perpustakaan UiTM Cawangan Perak. Seterusnya penyelidik juga tidak lupa untuk mengunjungi Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia dan beberapa perpustakaan lain seperti Perpustakaan Awam Negeri Tun Abdul Razak Ipoh, Perak, Perpustakaan Awam Seri Iskandar, Perak dan Perpustakaan Awam Sitiawan, Perak.

Semua perolehan dan juga data-data yang telah dikumpul akan digunakan untuk membina, membentuk dan mengukuhkan lagi hasil dapatan daripada soal selidik dan analisa kelak.

### **3.4.3 Kajian Rintis :**

Kajian rintis berkaitan soal selidik ini telah dijalankan dengan tujuan untuk memastikan tidak terdapat sebarang masalah khususnya yang berkaitan dengan pemahaman dan penafsiran semua item dalam soal selidik tersebut.

Proses prauji ini telah sempat dilakukan kali pertama kepada 19 orang pelajar lepasan UiTM yang pernah menyertai pelbagai kursus atau program kecemerlangan belajar ketika mereka masih berada di institusi ini. Setelah dibuat pindaan-pindaan tertentu ia sempat diuji lagi kepada 9 orang pelajar yang lain pula dan nilai reliabiliti yang diperolehi melalui teknik *Alpha Cronbach* ialah pada tahap yang baik iaitu **0.8346**. Nilai reliabiliti yang baik ialah 0.8 dan ke atas.

### **3.5 ANALISIS DATA :**

Kajian ini telah menggunakan soal selidik secara berstruktur iaitu responden diminta menjawab soalan yang telah disediakan jawapan pilihan. Walaupun responden kelihatan terkongkong serta tiada kebebasan, namun justifikasi kepada pemilihan ini kerana fokus utama soal selidik ini adalah untuk mengenalpasti adakah semua item yang dimaksudkan itu wujud dalam program KKDP tersebut.

Skala pilihan jawapan yang digunakan dalam pencerapan ini menggunakan dua pendekatan ;

- i. Menggunakan Skala Binari yang mempunyai dua pilihan jawapan iaitu “Ya” atau “Tidak” dengan dua peringkat nilai seperti berikut :  
Nilai 2 : Ya  
Nilai 1 : Tidak
  
- ii. Menggunakan Skala Likert yang mempunyai 5 peringkat nilai :  
Nilai 5 : Sangat Baik / Sangat Setuju  
Nilai 4 : Baik / Setuju  
Nilai 3 : Kurang Baik / Kurang Setuju  
Nilai 2 : Tidak Baik / Tidak Setuju  
Nilai 1 : Sangat Tidak Baik / Sangat Tidak Setuju

Kerja-kerja pemerosesan data melalui Skala Binari dan Likert di atas yang telah diselaraskan dengan jumlah nilai tertentu membolehkan kajian ini menggunakan carta histogram apabila ingin mengenal pasti sama ada data kajian yang diperolehi tertabur secara normal atau pun tidak.

Apabila rajah histogram menunjukkan data kajian tertabur secara **normal** berbentuk *bell-shaped* membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Jumlah nilai signifikan yang **memuaskan** terletak di antara nilai **.000** hingga **0.025**. Melalui nilai signifikan yang memuaskan atau tidak memuaskan ini membolehkan nilai tersebut **valid** atau tidak **valid** untuk dibuat **generalisasi** ( mewakili ) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Penganalisisan data ini akan diolah menggunakan statistik deskriptif walaupun secara yang minima ( contohnya untuk mencari nilai min ). Penganalisisan data ini juga akan cuba mengaitkannya dengan tinjauan literatur dalam bab dua dengan pendekatan temubual dan observasi, seterusnya dihubungkaitkan dengan objektif, kepentingan kajian dan sebagainya agar dapatkan ini boleh dimanfaatkan sebaik mungkin.

### 3.6 RUMUSAN :

Kaedah yang digunakan bagi menghasilkan daptan kajian ini adalah melalui kaedah deskriptif. Ia bermaksud mengkaji dan menerangkan apakah elemen-elemen motivasi dakwah yang boleh ditemui dalam program KKDP tersebut, seterusnya melihat kaitan motivasi dakwah dengan sampel melalui apa yang telah dipaparkan oleh pola-pola sampel di sepanjang program tersebut berlangsung dan akhirnya cuba melihat apakah perubahan-perubahan yang telah berlaku.

Penilaian ini dibuat melalui dua pendekatan secara sepada iaitu dengan menggabungkan pendekatan secara kuantitatif dan juga kualitatif.

## **BAB III**

### **KAEDAH KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN :**

Perbahasan dalam bab tiga ini akan memuatkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kaedah atau metode yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Ia merangkumi rupa bentuk kajian yang ingin dijalankan, tempat kajian yang akan menjadi fokus utamanya, tempoh kajian, subjek atau populasi yang terlibat dengan kajian, alat yang akan digunakan di dalam kajian.

Seterusnya, akan diterangkan juga mengenai pendekatan yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat atau data-data daripada responden yang dikehendaki. Antaranya ialah dengan menentukan terlebih dahulu populasi yang ingin dikaji, mengenal pasti sampel, menentukan alat ukur yang paling sesuai untuk melakukan pencerapan, mereka bentuk soalan-soalan yang relevan atau yang tidak lari daripada objektif kajian dan seterusnya mengumpul data-data untuk dibuat kerja-kerja pemerosesan.

#### **3.2 TEMPAT DAN TEMPOH KAJIAN :**

Kajian ini dijalankan di Kampus Universiti Teknologi MARA ( UiTM )<sup>1</sup>, Cawangan Perak. Kampus ini ditubuhkan pada 1 Januari 1985 dan merupakan kampus ke-7 daripada 12 kampus cawangan di seluruh negara di samping beberapa kampus tambahan yang bertindak sebagai cabang kepada kampus-kampus cawangan negeri tersebut. Kesemuanya beroperasi di bawah payung kampus induk iaitu Kampus UiTM Shah Alam, Selangor.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Latar belakang ringkas mengenai UiTM boleh di rujuk dalam Lampiran B.

<sup>2</sup> Sila rujuk *Buku Panduan Staf* ( 2000 ), Universiti Teknologi MARA , h. 11 - 16